



## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**OLEH**

**YBHG. DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR  
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR**

**OPERASI GERAK KENDERAAN BERMOTOR PERINGKAT  
KEBANGSAAN SEMPENA SAMBUTAN HARI OZON  
SEDUNIA 2024**

**13 NOVEMBER 2024**

Terima Kasih Puan Pengacara Majlis,

Yang Berhormat

Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam

Yang Berbahagia

Datuk Nor Yahati Binti Awang

Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam)

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

Yang Berusaha

Encik Sazally Bin Saidi

Ketua Pengarah Eksekutif

Amanat Lebuhraya Rakyat

Yang Berusaha

Encik Muhammad Nizam Bin Alias

Ketua Pengarah Eksekutif (Interim)

Amanat Lebuhraya Rakyat

Tetamu-tetamu jemputan dan hadirin sekalian

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam  
Sejahtera, dan Salam Malaysia Madani,**

1. Yang Berhormat Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam; Dif-dif kehormat; serta para hadirin sekalian. Kami amat berbesar hati dan berasa bertuah kerana pada hari ini, Majlis Perasmian Operasi Gerak Kenderaan Bermotor Peringkat Kebangsaan Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia 2024 dapat dijayakan dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri sendiri.
  
2. Majlis Perasmian Ops Gerak Kebangsaan hari ini diadakan secara bersepadu melibatkan empat agensi penguatkuasa iaitu Jabatan Alam Sekitar (JAS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan serta dengan sokongan kakitangan Amanah Lebuhraya - Lebuhraya Shah-Alam (KESAS). Jabatan ini mengambil kesempatan merakamkan penghargaan kepada semua agensi penguatkuasa dan pihak KESAS yang telah memberikan komitmen penuh dalam memastikan Ops Kenderaan Bermotor Peringkat Kebangsaan ini berjalan dengan jayanya.

**YB, YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,**

3. Dengan kekuatan seramai 94 orang pegawai di Unit Kenderaan Bermotor yang beroperasi di seluruh Malaysia, Jabatan Alam Sekitar menjalankan penguatkuasaan ke atas pelepasan dari kenderaan bermotor melalui beberapa pendekatan, iaitu Ops Gerak / Statik, Ops AWASI, serta Ops Catat / Kamera Video.
4. Untuk makluman hadirin, dari bulan Januari hingga Oktober 2024, Ops Gerak telah merekodkan **pemeriksaan ke atas sejumlah 334,974 buah kenderaan, dengan 1,097 kompaun dan 82 Perintah Larangan** dikeluarkan atas kesalahan pelepasan bahan pencemar yang melebihi had yang ditetapkan.
5. Ops Gerak ini akan terus dilaksanakan oleh JAS dari semasa ke semasa. Semua pihak termasuk kenderaan komersial, industri dan persendirian adalah dinasihatkan untuk sentiasa memastikan kenderaan masing-masing diselenggara secara berkala bagi mengelakkan pelepasan asap yang berlebihan yang boleh mengakibatkan pencemaran alam sekitar. Pemilik motosikal juga diingatkan untuk tidak mengubahsuai spesifikasi

kenderaan sehingga menyebabkan pencemaran bunyi bising dan kacau ganggu.

6. Selain itu, penguatkuasaan ke atas pengurusan refrigeran turut dilaksanakan. Jabatan Alam Sekitar akan terus komited dalam memastikan pengurusan refrigeran sentiasa mematuhi keperluan yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 2020.

**YB, YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,**

7. Untuk memperkasakan penguatkuasaan ke atas pelepasan kenderaan bermotor, Jabatan Alam Sekitar (JAS) kini dilengkapi dengan peralatan pengukuran terkini yang menggunakan model dan teknologi canggih yang sesuai untuk digunakan di lapangan. Sebanyak 22 unit meter asap bagi kenderaan berenjin diesel dari Belanda dan 14 unit Sound Level Meter dari United Kingdom telah dibekalkan kepada pasukan Kenderaan Bermotor JAS di setiap negeri. Selain itu, peralatan Gas Analyser untuk menguji pelepasan gas dari kenderaan berenjin petrol juga telah tiba di Malaysia dari United Kingdom dan akan

diagihkan kepada pasukan kenderaan bermotor dalam masa terdekat.

8. Di samping itu, pasukan kenderaan bermotor turut dimantapkan dengan 2 unit kenderaan baru, iaitu 1 unit Toyota Hilux dan 1 unit Proton X70, yang telah diterima oleh semua JAS negeri pada tahun ini.
9. Bagi memastikan kelancaran dan kecekapan dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan pelepasan kenderaan bermotor, pasukan kenderaan bermotor di semua JAS negeri telah dibekalkan dengan set peralatan penguatkuasaan baru yang lebih mudah dikendalikan dan tahan lasak. Tahun lalu, sebanyak **975 unit peralatan telah diagihkan dengan jumlah kos keseluruhan RM110,120.00**. Diharapkan, peralatan penguatkuasaan baru ini bukan sahaja memberikan keselesaan kepada para pegawai, tetapi turut menyerlahkan imej penguatkuasaan yang lebih profesional dan berkesan.
10. Tahun ini merupakan detik istimewa bagi Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang menyambut ulang tahun ke-50 atau Jubli Emas Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Bagi memperkukuh imej JAS di lapangan dan menonjolkan kehadiran jabatan ini dalam kalangan masyarakat setanding dengan agensi penguatkuasaan lain, JAS akan

melancarkan pakaian seragam baharu pada 12 Disember 2024. Pelancaran ini diharapkan dapat meningkatkan

pengiktirafan terhadap peranan JAS dalam menjaga kualiti alam sekitar di Malaysia.

11. Saya ingin menegaskan bahawa JAS tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang enggan bekerjasama dalam usaha melindungi alam sekitar. Saya menyeru semua pihak agar terus komited dan berganding bahu bagi memastikan matlamat kelestarian alam sekitar dapat dicapai bersama.
12. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Operasi Gerak, Kenderaan Bermotor Peringkat Kebangsaan sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia 2024.

Sekian, saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.